



### **Apakah kesalahan anak-anak ini?**

12 April 1987 – Ang May Hong, 10 tahun ditemui kira-kira 200 meter daripada rumahnya selepas dipercayai dirogol dan dibunuh dalam keadaan kemaluannya dirodok dengan kayu ketika dalam perjalanan menghantar bekalan sarapan pagi kepada bapanya di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.



17 Mei 1999 – Pelajar tingkatan lima Audrey Melissa Bathinathan, diserang, dirogol dan dibunuh ketika dalam perjalanan ke sekolah Perempuan Methodists Kuala Lumpur. Mangsa dipercayai disembunyikan selama 20 jam sebelum dibunuh dalam perjalanannya ke sekolah dari terowong pejalan kaki yang menghubungkan Menara Dayabumi dalam Jalan Cenderasari. Terowong ini dipercayai antara sarang penagih dadah utama di ibu negara.

14 Februari 2001 – Farrah Deeba Rustam, 17, ditemui dirogol dan dibunuh didalam longkang besar bawah jambatan jalan masuk ke Kampung Tersusun Batu 2, Jalan Lama Bidor, Tapah, perak oleh sekumpulan kanak-kanak yang sedang bermain.

27 Februari 2001 – Mayat Rafaeza Razali, 15, yang mati dicekik ditemui dalam keadaan bogel di sebuah ladang getah berhampiran kedai kopi di persimpangan Lebu, Lurah Bilut dekat Bentong, Pahang.



5 Julai 2001 – Nurul Hanis, pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Abdul Rahman yaakub, merlimau, Melaka, ditemui penuduk kampung dalam

keadaan separuh bogel dan tertiarap dengan leher dijerut menggunakan tali beg sekolahnya.



1 April 2002 – Seorang budak perempuan berusia enam tahun dibunuh secara kejam, dipercayai selepas dirigol, manakala mayatnya dibuang dalam longkang di kawasan perumahan Taman Tasik perdana, Ampang. Mayat Norsyakila Ramli ditemui orang ramai kira-kira jam 8 pagi dalam keadaan bogel dengan kesan kecederaan teruk dikepala, disyaki akibat dihentak berulang kali dengan botol.



Siti Nadirah

13 September 2003 – Seorang kanak-kanak berusia 6 tahun dirogol seorang remaja lelaki berusia 16 tahun di sebuah kuarters pekerja di Kampung Lembisin, Putatan, Penampang, Sabah.



8 Januari 2004 – Harirawati Saridi, 10, ditemui mati dipercayai dibunuh dan dirogol ketika dalam perjalanan ke sekolahnya di Kampung Ratau, menggatal, Kota Kinabalu, Sabah.

13 Januari 2004 – Seorang murid berusia 9 tahun dari Kampung Darau, Besut, Terengganu dirogol seorang lelaki ketika dalam perjalanan membeli barang keperluan dapur.



17 Januari 2004 – Nurul Huda Abdul Ghani, 10, mati dicekik selepas dirogol dan diliwat tiga lelaki termasuk seorang pengawal keselamatan di sebuah pondok keselamatan Stesen Janakuasa Tenaga nasional Bhd (TNB) di Kampung Pekajang, Tanjung Kupang, Gelang Patah Johor.

Kesemua kes-kes ini berlaku kurang dari 10 tahun dan sepanjang tempoh mangsa dibunuh, dirogol atau dicekik tidak ada satupun tindakan drastik yang seharusnya diambil atau diketengahkan oleh sebarang badan Ngo's atau Kerajaan dalam usaha mencegah fenomena ini.

Cakap tidak serupa bikin, Itulah kenyataan keras yang diberikan oleh PM baru Datuk seri Abdullah Ahmad Badawi semasa menerajui kepimpinan Kerajaan.

10 kes seumpamanya berlaku sebelum ini tidak ada proaktif oleh mana-mana pihak samada Kerajaan atau sebagainya dan isu-isu ini hanya hangat hanya beberapa hari sahaja dan ia mudah dilupakan.

Tetapi apabila kes seumpamanya berlaku kepada seorang mangsa Nurul Huda Ghani di Kampung Pekajang, Gelang Patah, isu ini secara tidak disedari terus meledak dan meletup-meletup dengan perlabagi berita, pelbagai isu, pelbagai rupa manusia yang mahukan gambar mereka dirakamkan oleh media masaa.

Tidak habis disitu sahaja, pelbagai pihak sanggup secara sukarela menghulurkan bantuan kemanusiaan, bantuan sosial dan pelbagai pihak juga sanggup turun ke padang yang selama ini tidak pernah di pijaknya.

Ada juga pihak-pihak tertentu yang secara sepontan menghantar "wakil khas" untuk menghulurkan bantuan hanya semata-mata atas dasar peri kemanusiaan.

Tindakan membantu mereka yang ditimpa bencana itu perlu disokong dan digalakkan dalam konsep kejiranan dan perpaduan rakyat Malaysia dan syabas kepada mereka yang telah menghulurkan bantuan tersebut.

Persoalannya ialah " kenapa ianya hanya berlaku kepada mangsa ini sahaja dan tidak kepada mangsa-mangsa sebelumnya"

Apakah mangsa-mangsa sebelum ini bukan manusia yang teraniaya dan bukan pelajar atau mangsa sebelum ini hanya mangsa kerdil dan tidak dikenali atau hanya merupakan takdir dari Allah swt sahaja"

Apa yang membezakan mangsa-mangsa ini ialah mangsa Nurul Huda Ghani adalah merupakan anak kepada seorang Ketua UMNO cawangan Kampung Pekajang, Gelang Patah atau secara ringkasnya ialah anak seorang tokoh politik. Itu sahaja yang membezakan kes-kes sebelum ini.

Pendek cerita, kes Nurul Huda Ghani telah dipolitikkan sehingga menjadi bahan sensasi untuk kepentingan pihak-pihak tertentu sehinggakan kes-kes sebelum ini hilang begitu sahaja. Datuk rais Yatim bukan sahaja hanya "cakap tak serupa bikin" tetapi hanya pandai menyalak – soalnya kenapa telah hampir 10 kes berlalu tindakan "sebat dikhalayak ramai" tidak diketengahkan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan? Apakah kerana kes-kes sebelum ini bukan merupakan "anak orang politik" dan tidak ada seorang menteri pun yang menghantar Wakil Khas untuk menghulurkan bantuan mereka.

Tokoh-tokoh politik seperti Baharom Ghani, Hishamuddin Tun Hussein merupakan tokoh-tokoh gimik yang hanya mencari imej baru menjelang pilihanraya hanya setelah tiket diberikan oleh PM selepas menghantar Wakil Khasnya ke Gelang Patah.

Jangan terperanjat apabila berlakunya sekali lagi kes seumpamanya, persoalannya apakah pemimpin-pemimpin ini sanggup melakukan tindakan yang serupa dan seterusnya sepertimana dalam kes Nurul Huda Ghani walaupun mangsa bukan anak orang politik?

Apakah sikap keperihatinan di Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam kes ini merupakan budaya memilih bulu sahaja?

Takdir menentukan segalanya dan isu-isu seperti ini tidak boleh dipandang ringan tetapi Kerajaan perlu lebih proaktif dalam menentukan sebarang tindakan yang wajar tanpa memilih mana-mana kes-kes yang berlaku. Setiap mangsa merupakan kes-kes yang serupa dan tidak perlu dipolitikkan sehinggakan satu-satu kes dikategorikan sebagai kes istimewa.

Apakah yang istimewanya dalam kes Nurul Huda Ghani? Mangsa adalah korban nafsu rakus segelintir manusia yang tidak berperikemanusiaan dan tidak lebih dari itu.

Kenapa masih ada penagih dadah dan pengawal keselamatan yang mempunyai rekod jenayah diambil bekerja di Stesen Janakuasa TNB? Silap siapa? Apakah tindakan yang dilakukan samada JKKKK atau UMNO Cawangan Pekajang sendiri untuk membersihkan gejala ini?

Nasi telah menjadi bubur dan kes Nurul Huda Ghani sepatutnya dijadikan iktibar dalam usaha mana-mana pihak untuk menolong sesama manusia atas dasar keperihatinan supaya tindakan mereka tidak menganaktirikan lain-lain kes yang serupa.

Selain itu juga, tindakan melatah Pak Lah dalam menghulurkan bantuan dengan menghantar seorang Wakil Khas PM dalam kasus ini dianggap tidak bijak. Ini seolah-olah ada double standard memandangkan mangsa adalah anak seorang tokoh UMNO – bagaimana pula mangsa sebelum ini seperti di Menggatal, Sabah? Tindakan Pak Lah jika dilihat dari aspek politik akan menjerat lehernya sendiri dan ia terpaksa

turun padang bagi setiap mangsa-mangsa yang berlaku untuk menunjukkan kepada rakyat ketelusan kepimpinannya atau "Pak lah perihatin"

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.